

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN SIM TONG HIM
[KOTA MELAKA]
TARIKH : 8 JUN 2015
SOALAN :

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan :-

- a. jumlah pesakit demam denggi sehingga bulan April 2015 mengikut negeri dan berikan angka-angka kematian dari tahun 2001 hingga 2015; dan
- b. berikan sebab kegagalan program kawalan biologi dalam membanteras pembiakan nyamuk Aedes dan tindakan-tindakan terkini yang telah dilaksanakan oleh Kementerian.

Tuan Yang Di Pertua,

- a. Jumlah kes denggi di seluruh negara sehingga April 2015 adalah sebanyak 40,007 kes. Perincian kes mengikut negeri sehingga April 2015 dan angka kematian dari 2001-2015 adalah seperti di Lampiran 1.

- b. Susulan peningkatan kes demam denggi yang berterusan sejak awal tahun 2015, Kementerian Kesihatan meningkatkan penggunaan kaedah kawalan biologi menggunakan semburan ruang *Bacillus thuringiensis israelensis* (Bti) di lokaliti-lokaliti hotspot.

Susulan penggunaan Bti, jumlah lokaliti hotspot di negeri Selangor dapat dikurangkan iaitu daripada 256 lokaliti hotspot pada 1 Mac 2015 kepada 58 lokaliti hotspot pada 3 Mei 2015 iaitu pengurangan sebanyak 77% lokaliti hotspot.

Justeru, kenyataan bahawa program kawalan biologi gagal dalam membanteras pembiakan nyamuk *Aedes* adalah tidak tepat. Kaedah seperti *fogging* dan *larvaciding* tidak akan berjaya tanpa kerjasama komuniti kerana semua kaedah ini akan membantu mengurangkan kes.

Tuan Yang Di Pertua,

Mengenai tindakan yang terkini, Kementerian Kesihatan telah melaksanakan teknik semburan *Outdoor Residual Spray* (ORS) untuk mengawal pembiakan nyamuk *Aedes* sejak 11 Februari 2015 di daerah Petaling, Hulu Langat, Gombak dan Klang. Di samping itu, Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) juga sedang menghasilkan cat dinding anti-nyamuk untuk kawalan demam denggi.